



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS CABUTAN KERJA UNDI PROGRAM KONTRAKTOR G1–G4 DAN PENYERAHAN PROJEK PEMBAIKAN CERUN VHF TELAPAK BURUK, NEGERI SEMBILAN

SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN – Kementerian Kerja Raya (KKR) hari ini telah melaksanakan dua program utama sempena lawatan kerja YB Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya di Negeri Sembilan yang memberi tumpuan kepada pemerkasaan kontraktor tempatan serta pengukuhan keselamatan infrastruktur strategik negara.

2. Pada sebelah pagi, YB Menteri telah menghadiri dan menyempurnakan Majlis Cabutan Kerja Undi Program Kontraktor G1 hingga G4 bagi kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan Zon Selatan Tahun 2026 yang diadakan di Dewan Majlis Bandaraya Seremban bersama pengurusan tertinggi KKR, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak konsesi. Program ini bertujuan memberi peluang kepada kontraktor kecil tempatan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk terlibat secara langsung dalam kerja penyenggaraan jalan persekutuan melalui proses pemilihan secara cabutan undi di peringkat JKR Negeri yang telah diluluskan pada 21 Januari 2026.

3. Jumlah keseluruhan kelulusan bagi Kerja Berkala Pavemen di Zon Selatan adalah sebanyak RM19.5 juta melibatkan tiga negeri. Negeri Sembilan menerima kelulusan RM7.0 juta merangkumi enam (6) kerja iaitu tiga (3) kerja kelas G3 dan tiga (3) kerja kelas G4. Negeri Melaka memperoleh RM2.7 juta melibatkan tiga (3) kerja terdiri daripada satu (1) kerja kelas G2, satu (1) kerja kelas G3 dan satu (1) kerja kelas G4. Negeri Johor pula menerima RM9.8 juta melibatkan lapan (8) kerja iaitu empat (4) kerja kelas G3 dan empat (4) kerja kelas G4.

4. Bagi Kerja Berkala Bukan Pavemen, jumlah keseluruhan kelulusan adalah sebanyak RM57.2 juta. Negeri Sembilan menerima RM19 juta melibatkan empat puluh lima (45) kerja iaitu 10 kerja kelas G1, 22 kerja kelas G2, sembilan (9) kerja kelas G3 dan empat (4) kerja kelas G4. Negeri Melaka memperoleh RM7 juta

melibatkan dua puluh tujuh (27) kerja terdiri daripada 14 kerja kelas G1 dan 13 kerja kelas G2. Negeri Johor pula menerima RM31.2 juta melibatkan 113 kerja iaitu 44 kerja kelas G1 dan 69 kerja kelas G4.

5. Pada sebelah petang, YB Menteri turut menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Arahan Kerja (AK) Pembaikan Cerun Laluan Very High Frequency (VHF) Telapak Buruk, Negeri Sembilan yang dilaksanakan melalui Cawangan Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya. Laluan ini merupakan akses strategik dan utama ke stesen pemancar komunikasi negara bagi kenderaan penyelenggaraan dan dikategorikan sebagai Sasaran Penting Keutamaan 1 (SP1) di bawah Government Integrated Radio Network.

6. Stesen pemancar tersebut memberi manfaat langsung kepada rakyat khususnya agensi keselamatan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Chief Government Security Officer (CGSO) selain syarikat utiliti dan telekomunikasi termasuk Tenaga Nasional Berhad, Maxis, Celcom dan Digi, bagi memastikan perkhidmatan komunikasi dan utiliti berada pada tahap sifar gangguan melibatkan liputan Negeri Sembilan serta sebahagian Selangor, Melaka dan Pahang.

7. Keseluruhan projek pembaikan cerun bernilai RM109 juta ini melibatkan 124 lokasi melalui 36 Arahan Kerja (AK) yang dilaksanakan secara berfasa dan berperingkat di bawah kontrak jangka masa panjang bermula 24 Februari 2022 dan siap sepenuhnya pada 14 Oktober 2025. Skop pelaksanaan merangkumi kerja penstabilan cerun, baik pulih struktur serta naik taraf dan penurapan semula jalan akses mengikut piawaian kualiti dan keselamatan yang ditetapkan, dengan Cawangan Kejuruteraan Cerun bertindak sebagai Pengarah Projek dalam merancang, mengurus dan menyelia keseluruhan pelaksanaan.

8. Melalui pelaksanaan kedua-dua program ini, KKR dan JKR Malaysia terus komited memastikan keselamatan pengguna jalan raya, kebolehfungsian infrastruktur strategik serta pemerkasaan kontraktor tempatan sentiasa diberi keutamaan melalui penyenggaraan yang proaktif, berkesan dan menyeluruh selaras aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan rakyat, keselamatan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

#Tamat#



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KERJA RAYA

4 FEBRUARI 2026

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#TangkasBertindak

#KerajaanMADANI

#MADAN Ibekerja